

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 12 JANUARI 2017 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Much ado about gender issue	The Star
2.	Cuaca baik, tiada gelombang banjir seterusnya	Sinar Harian
3.	Technology Park – Utusan jalin kerjasama perkukuh bidang pendidikan	Utusan Malaysia
4.	Rombongan Taman Teknologi Malaysia lawat ibu pejabat Kosmo!	KOSMO
5.	Cemas rasai gegaran 10 saat	KOSMO

Much ado about gender issue

THE gender issue is up again but it is different this time. In the past, the concern was over male domination. Now, however, it is about the female group outnumbering men.

The earlier concern was about the gender imbalance in the work place. It was a global concern. Most professions then were dominated by men. Their female counterpart was visibly absent in many key professions such as doctors, engineers and the like.

The only domain they dominated was nursing which we all know most males would avoid at all costs. This was because such jobs had a strong feminine image.

Many had called to redress the imbalance as it was considered socially unhealthy. Initiatives were therefore taken the world over to help find the answers.

Many realised then that the world was missing on the opportunity to effectively tap the talents and resources offered by the so-called weaker sex. And to cut the story short, over the years, such initiatives have begun showing positive results. Not only is there a bigger number of women

now working in the once male-dominated positions but, to the surprise of many, the number of males opting for the feminine types of jobs like nursing has also seen a hike. It is not uncommon nowadays to meet men working as nurses, which many admit is a far cry from the early days when male chauvinism ruled.

Programmes to increase the number of women in the workforce have been so successful that the world is now concerned about the declining number of men. And the prediction is that it may get worse going into the future.

We are talking here about the growing gender imbalance in higher education. Recent years have witnessed women outnumbering men in most undergraduate courses at the local universities. This has also been reflected in the bigger number of girls coming out on top in the national examination results, most notably SPM which, incidentally, is also the exam most critical in getting accepted into higher education.

The issue has recently attracted the attention of the National Professors Council or Majlis

Professor Negara (MPN). It was the topic of a recent TV forum with panellists from MPN.

As expected, all kinds of ideas were mooted to deal with the situation, which the panellists maintained is not in the best interest of national wellbeing. They are afraid that unless the issue is resolved and a new balance reached, the future may see women dominating the nation's leading echelon of society.

Some panellists suggested using the mentor-mentee approach to offset the imbalance. There was also a proposal to introduce some kind of quota system with the aim of achieving a 50:50 ratio of men and women.

But why? I do not for one share the view that there is any need to fuss over the issue. At the moment, it is all left to meritocracy. It is quite obvious that the imbalance is largely attributed to the fact that nowadays, with better opportunities, the girls perform better academically than their male counterparts. So let it be.

Furthermore, there is another reason why boys tend to perform less well. They have more distractions compared to girls. But one

worrying trend among boys is that many do not see a university degree as the passport to better careers. A recent survey has pointed to the fact that boys have become disillusioned with a university qualification. It is no more like before the 90s when jobs were more or less guaranteed.

The imbalance must be left to find its own balance.

And with all the current disheartening developments in a male-dominated world, it may be time to try out women in the leadership position. For one, cases of mismanagement and corruption may come down significantly with women in charge. Statistics can vouch for a fact that women are generally more sober and patient, not to forget meticulous.

In fact, there has been a suggestion that if all the express bus drivers in the country are women, there will be fewer accidents on our roads!

**PROF DATUK DR AHMAD
IBRAHIM**
Fellow, Academy of Sciences
Malaysia
UCSI University

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (BANJIR SUDAH SURUT) : MUKA SURAT 52
TARIKH: 12 JANUARI 2016 (KHAMIS)

Cuaca baik, tiada gelombang banjir seterusnya

KUALA TERENGGANU

- Gelombang banjir seterusnya dijangka tidak akan berlaku di negeri ini, berdasarkan analisis model-model cuaca numerikal oleh **Pejabat Meteorologi Terengganu**.

Dalam tempoh ini juga, hujan lebat yang boleh mengakibatkan banjir tidak akan berlaku sebagaimana sebelum ini, sehingga menyebabkan banjir di kesemua daerah di negeri ini beberapa hari lepas.

Pengarahnya, Jenuwa Husin berkata, semua negeri di semenanjung dijangka akan menerima tiupan angin Barat Daya dan Barat Laut, yang dijangka menerima taburan hujan yang berkurangan.

"Analisis model-model cuaca numerikal menunjukkan tiada kebarangkalian boleh berlaku luruan sejuk dalam tempoh terdekat.

"Sistem bertekanan rendah yang sebelum ini aktif di Laut Andaman diperhatikan semakin melemah dan dijangka lenyap mulai 11 Januari 2017 (semalam)," katanya kepada *Sinar Harian*, di sini.

Sementara itu, mengulas cuaca di semenanjung, pihaknya memberitahu keadaan cuaca dilaporkan baik di kebanyakan tempat di kesemua negeri termasuk Terengganu.

"Cuaca baik di kebanyakan tempat di semua negeri. Hujan dan ribut petir di satu dua tempat terutama di kawasan pedalaman pada lewat petang dan senja," katanya.

Sementara itu, melalui laman web rasmi **Jabatan Meteorologi Malaysia**, ribut petir di perairan Reef South dan Palawan dijangka berterusan sehingga awal petang semalam.

Keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter atau 11 kaki yang berbahaya kepada bot-bot kecil.



JENUWA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 37
TARIKH : 12 JANUARI 2017 (KHAMIS)



AHMAD FAUZI ZAHARI (kanan) menyerahkan replika cek RM49,266 bagi tajaan *Tutor* kepada Othman Mohamad semasa sesi lawatan Technology Park Malaysia ke Ibu pejabat Kumpulan Utusan, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/GAIE UCHEL

Teknologi Park-Kumpulan Utusan jalin kerjasama

Perkukuh bidang pendidikan

Oleh **SITI NORHAWA MOHD. ALI**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 10 JAN.

TECHNOLOGY Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. (TPM) hari ini mengukuhkan hubungan dengan menjalin kerjasama strategik bersama Kumpulan Utusan dengan menaja akhbar pendidikan *Tutor* UPSR *Utusan Malaysia* bernilai RM49,266.

Pengerusi TPM, Datuk Ahmad Fauzi Zahari berkata, kerjasama melalui bidang pendidikan itu merupakan inisiatif bagi membentuk dan mendidik, sekali gus melonjakkan pencapaian calon-calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), khususnya orang Melayu melalui latihan intensif yang terdapat dalam akhbar *Tutor*.

"Selain itu, kita juga akan membuka jalan untuk kerjasama kedua-dua pihak dalam pendidikan secara digital yang mana *Utusan Malaysia* boleh membekalkan

input manakala kita boleh membuat pembangunan aplikasi atau platform digital.

"Ini berikutan cabaran tersendiri apabila tinjauan mendapati pelajar pada masa kini lebih cenderung mendapatkan maklumat dan bahan rujukan menggunakan gajet," katanya ketika lawatan dan Majlis Penyerahan Tajaan Akhbar Pendidikan *Tutor* di Ibu pejabat Kumpulan Utusan, di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Ir. Mohd. Azman Shahidin; Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Kewangan Korporat dan Perkhidmatan Pengurusannya, Sharbani Harun dan Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan dan Perkhidmatan Korporat, Zulkifli Fitri Ismail.

Kehadiran delegasi TPM disambut wakil Kumpulan Utusan iaitu Timbalan Ketua Pengarang, Datuk Othman Mohamad; Pengarang *Utusan Malaysia*, Datuk Zulkefli Hamzah dan Pengurus Besar Komunikasi Korporat, Ja-

mal Ahmed Ali Ahmad.

Syarikat itu akan menaja akhbar *Tutor* kepada 18 sekolah di Parlimen Setiawangsa di sini dengan nilai RM49,266 iaitu sebanyak 2,000 naskhah setiap Isnin selama 42 minggu, bermula minggu depan.

Tambah Ahmad Fauzi, pihaknya juga berharap Kumpulan Utusan melalui platform yang ada akan mempromosikan bidang sains dan teknologi bagi memberi pendedahan kepada masyarakat berkenaan bidang yang dianggap kritikal itu.

"Kita lihat akhbar *Utusan Malaysia* merupakan salah satu medium terbaik bagi memberi pendedahan kepada orang ramai, khususnya orang Melayu terhadap inovasi dan teknologi masa depan.

"Kami berharap kerjasama ini hanya satu permulaan kepada banyak lagi peluang-peluang kerjasama yang bakal dijalankan antara kedua-dua belah pihak untuk menuju masa depan yang lebih mencabar," katanya.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 17
TARIKH : 12 JANUARI 2017 (KHAMIS)

Rombongan Taman Teknologi Malaysia lawat ibu pejabat Kosmo!

KUNJUNGAN MESRA. Seramai 12 kakitangan Taman Teknologi Malaysia melawat Kosmo! di ibu pejabatnya di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur semalam.

Lawatan itu diketuai Pengerusinya, Datuk Ahmad Fauzi Zahari bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan yang sedia terjalin antara kedua-dua organisasi berkenaan selain meninjau operasi Jabatan

Pengarang Kosmo!

"Lawatan ini cukup bermakna bagi para pegawai kami dan diharap selepas lawatan ini, kami dapat membina hubungan yang lebih baik dengan akhbar Kosmo!," katanya.

Kunjungan itu disambut oleh Pengarang Kosmo!, Datuk Baharom Mahusin; Penolong Pengarang 1 Kosmo!, Mohd. Nor Ab. Samad dan Penolong Pengarang 2 Kosmo!, Lokman Othman.



BAHAROM (tengah) bergambar bersama rombongan Ahmad Fauzi (enam dari kiri) dan pegawai-pegawai kanan Taman Teknologi Malaysia yang melawat ibu pejabat Kosmo! di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur semalam.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 12 JANUARI 2017 (KHAMIS)

Gempa bumi di Laut Sulawesi gegarkan beberapa tempat di Sabah, Sarawak

Cemas rasai gegaran 10 saat

LABUAN — Berpuluh-puluh orang berlari meninggalkan bangunan tinggi apabila gegaran dirasai di pulau bebas cukai ini berikutan gempa bumi berukuran 7.3 pada skala Richter yang berlaku di Laut Sulawesi semalam.

Antara bangunan yang dikongsikan ialah Financial Park Complex milik Bank Negara yang menempatkan lebih 80 agensi dan jabatan kerajaan, kedai makan serta firma kewangan luar pesisir.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail memberitahu *Bernama*, gempa bumi itu berlaku pada pukul 2.13 petang dengan pusat gempanya terletak kira-kira 267 kilometer (km) di tenggara Isabel City di Filipina dan 466km di timur laut Semporna.

Katanya, gegaran turut dilaporkan di beberapa tempat di Sabah seperti Semporna, Lahad Datu, Sandakan, Tawau dan Beluran.

Sementara itu, Pegawai Hal Ehwal Korporat Perbadanan Labuan, Usamah Ibrahim memberitahu bahawa, gegaran itu tidak kuat tetapi cukup untuk menakutkan penghuni Menara Perbadanan Labuan.

Beliau berkata, kakitangan di kompleks itu memandang satu sama lain apabila mereka terasa



PEGAWAI di Jabatan Penerangan Sabah, Iskandar Ismail menunjukkan kesan retakan akibat gegaran di Wisma Dang Bandang selepas kejadian gegaran yang dirasai di Kota Kinabalu semalam.

berlaku gegaran dan segera meluru ke lif untuk meninggalkan bangunan itu.

Seorang daripada petugas di kompleks itu, Hamidah Osman pula berkata, dia takut apabila melihat cermin mejanya bergegar.

"Bimbang bangunan itu mungkin runtuh, saya dan kakitangan lain segera meluru ke lif dan ada yang turun menggunakan tangga.

"Ini kali pertama saya mengalami keadaan ini," katanya.

Di Kota Kinabalu, sebahagian

besar penduduk bandar ini turut merasai gegaran gempa bumi berkenaan.

Seorang penjawat awam yang hanya mahu dikenali sebagai Naomi berkata, ketika itu beliau sedang bekerja di tingkat tiga Kompleks Bersepadu Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

"Saya melihat komputer di hadapan saya sedang bergoyang dan saya kemudiannya berasa pening," katanya.



SEBAHAGIAN daripada kakitangan Sabah Electricity Sdn. Bhd. di Kota Kinabalu berkumpul di pekarangan bangunan syarikat itu setelah merasai gegaran kira-kira 10 saat yang berlaku berikutan gempa bumi berukuran 7.3 skala Richter di Laut Sulawesi semalam.

Di Lahad Datu, seorang pekerja swasta, Labai Lasidi, 24, merasai dua kali gegaran.

"Tapi gegarannya berlaku sekejap-sekejap," katanya.

Di Sandakan, kakitangan yang bertugas di Bangunan Persekutuan diarahkan mengosongkan pejabat.

Gegaran selama 10 saat turut mencemaskan penduduk di Limbang, Sarawak.

Ribuan pengunjung di Plaza Limbang dan Hotel Purnama

panik berikutan bangunan berkenaan bergegar menyebabkan masing-masing keluar menyelamatkan diri.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Farhan Sufyan Borhan berkata, pihaknya menerima panggilan kira-kira pukul 2.21 petang memaklumkan mengenai gegaran tersebut.

"Anggota bomba segera di-kerah ke lokasi bagi memantau keadaan," katanya.